



Bersama **FIRKHAN**
sembangict@yahoo.com

Masalah *malware*

SERING kali *malware* dikaitkan dengan komputer. Bagaimana pula *malware* bagi peralatan mudah alih seperti telefon pintar atau tablet?

- Mohd, Rantau Panjang.

Perkembangan teknologi komputer dalam peralatan mudah alih seperti telefon pintar dan tablet menyebabkan berlaku keluasan pasaran penggunaannya. Perkara ini akhirnya mengundang perkembangan *malware* dari komputer biasa ke pelantar mudah alih.

Didapati *malware* pertama bagi peralatan mudah alih direkod kesnya adalah pada tahun 2004 dan berkembang pesat sehingga melebihi 300 peratus pada masa kini.

Seperti mana pembinaan untuk komputer, *malware* bagi peralatan mudah alih ini dibuat untuk tujuan jahat seperti mencuri maklumat peribadi dan perbankan seseorang, mengawal dan mengintip secara jarak jauh menerusi peralatan mudah alih, membuat kerosakan dan kadangkala boleh mengancam keselamatan negara.

Penyebaran *malware* bagi peralatan mudah alih ini disebabkan oleh para pengguna terlalu mempercayai sesuatu perkara atau *malware* tersebut tanpa menyedari akan bahaya

malware tersebut.

Aplikasi *malware* ini boleh ditanam ke dalam peralatan mudah alih seperti telefon pintar atau tablet pengguna menerusi beberapa cara seperti yang dibincangkan seterusnya.

1 Klik pada sesuatu sambungan hiper atau *hyperlinks* yang menyebabkan pengaktifan *malware* untuk dijangkiti ke peralatan mudah alih.

2 Membuka e-mel yang tidak dikenali dan beridentiti janggal seperti iklan porno dan judi.

3 Memuat turun fail tidak dikenali dan beridentiti janggal tanpa ditapis oleh aplikasi keselamatan yang dikemas kini daripada e-mel, laman sesawang, storan aplikasi, aplikasi, mesej dan lain-lain.

4 Melayari dan membuka sesebuah laman sesawang tidak dikenali dan beridentiti janggal. Kadangkala sesebuah laman sesawang itu dipercayai capaiannya tetapi tidak selamat kerana dikompromi oleh satu identiti jahat.

5 Melayari Internet menggunakan peralatan mudah alih tanpa menggunakan aplikasi keselamatan yang dikemas kini seperti penapis keselamatan, tembok api dan perisian antivirus.

6 Penggunaan Internet atau rangkaian komputer yang tidak selamat seperti perkhidmatan Internet tanpa wayar atau Wi-Fi awam yang boleh dicapai oleh sesiapa sahaja dan kurang selamat.

